

# **MAGAHAU RUNGUS: DARI UPACARA RITUAL KE PESTA KERAMAIAIN**

## **MAGAHAU RUNGUS: FROM RITUAL CEREMONIES TO PESTA KERAMAIAIN**

Esterlina Moo Chin Len Lazarus<sup>1\*</sup>

Mohd Kipli Abdul Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>\*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2</sup>Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
*stherlaz@gmail.my*<sup>1</sup>, *mohdkipli@uitm.edu.my*<sup>2</sup>

Tarikh dihantar: 10 September 2022/Tarikh diterima: 15 November 2022/  
Tarikh terbit: 31 Disember 2022  
DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.3975>

---

### **ABSTRAK**

*Magahau* merupakan perayaan tradisional yang disambut secara meriah dan besar-besaran oleh komuniti Rungus di daerah Kudat, Sabah. Istilah *magahau* membawa pengertian sebagai berpesta, mengadakan keramaian atau mengadakan kenduri. Kehidupan sehari-hari etnik Rungus dahulu terikat dengan amalan kepercayaan tradisi, adat istiadat dan pantang larang yang telah diwarisi. Dengan demikian, perayaan *magahau* hanya akan dijalankan setelah semua upacara ritual selesai dilakukan. Etnik Rungus mempercayai bahawa amalan penyertaan upacara ritual dalam perayaan *magahau* adalah penting bagi tujuan keselamatan dan perlindungan mereka daripada gangguan kuasa ghaib. Bagaimanapun, etnik Rungus tidak lagi meneruskan amalan dan kepercayaan ini bersesuaian dengan perubahan kehidupan semasa etnik Rungus. Menerusi kajian etnografi, kajian ini menganalisis sistem kepercayaan dan amalan tradisi etnik Rungus melalui persempahan *magahau*. Hasil pemerhatian dan analisis mendapati bahawa transisi kehidupan komuniti Rungus telah mengubah konsep *magahau* dari upacara ritual ke pesta keramaian. Kajian seumpama ini penting sebagai usaha memelihara warisan ini untuk rujukan generasi akan datang.

**Kata kunci:** *Magahau*, Rungus, kepercayaan tradisional, Sabah.

### **ABSTRACT**

*Magahau* is a traditional celebration renowned by the Rungus community in Kudat district, Sabah. The term *magahau* carries the meaning of partying, holding a crowd or having a feast. The daily life of the Rungus ethnicity was once tied to the practice of traditional beliefs, customs and even taboos that had been inherited. Thus, the *magahau* will only be carried out after all the ritual ceremonies have been performed. Ethnic Rungus believes that the practice of ritual ceremonial participation in the *magahau* festival is important for the purpose of their safety and protection from the interference of supernatural forces. However, the Rungus ethnicity no longer continues with this practice and belief is in line with the changing life during the Rungus ethnicity. Through ethnographic studies, this study analyzed the belief system and practices of Rungus ethnic traditions through *magahau* performances. The results of observations and analysis have found that the transition of life of the

*Rungus community has changed the concept of magahau, from ritual ceremonies to crowd parties. Such studies are important as a measure to preserve this heritage for future generations of reference.*

**Keywords:** Magahau, Rungus, traditional beliefs, Sabah.

## PENGENALAN

Rungus ialah kumpulan etnik yang tinggal di bahagian utara Sabah, iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas (Appel, 1965; Porodong, 1997). Namun pada hari ini, etnik Rungus boleh ditemui penempatannya di seluruh Malaysia dan juga di luar negara atas pelbagai faktor seperti pekerjaan, perniagaan, perkahwinan dan sebagainya. Menurut Appel (1992), serangan serangga perosak terhadap tanaman selama tiga tahun mendesak etnik Rungus untuk keluar bermigrasi dari kampung halaman mereka. Kesukaran hidup akibat tanaman rosak mendorong tindakan segelintir etnik Rungus untuk berpindah ke tempat baharu bagi memulakan kehidupan. Etnik Rungus secara tradisinya tinggal di rumah panjang dan menjalankan pertanian berpindah randah (Appel, 1965; Porodong, 1997). Selain tanaman padi, etnik Rungus turut menanam jagung sebagai sumber makanan, berburu dan memelihara haiwan ternakan. Biasanya, ayam dan khinzir merupakan binatang yang diternak kerana selain menjadi sumber makanan, haiwan ternakan ini menjadi bahan sajian penting dalam setiap upacara ritual yang dilakukan oleh etnik Rungus. Etnik Rungus lebih cenderung untuk melihat diri mereka sebagai *Momogun* (Appell, 1963 & Ong, 1994: 153), iaitu orang tanah sini atau orang tempatan dan mempunyai lima subkumpulan yang berbeza dari segi dialek penutur iaitu Rungus, Nulu, Gonsomon, Pilapazan dan Gandahon (Low Kok On, 2013; Porodong, 2012 & Appell, 1963). Perbezaan dialek penutur dikesan melalui lokasi penempatan mereka. Namun, dari segi budaya, adat resam dan kepercayaan turun-temurun masih sama.

Pada mulannya, etnik Rungus merupakan salah satu daripada cabang dalam etnik Kadazan Dusun yang tersenarai dalam Perlembagaan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun. Hal ini kerana terdapat banyak persamaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan antara etnik Rungus dengan etnik Kadazan Dusun lain di Sabah (Topin, 1996). Kajian menunjukkan bahawa etnik Kadazan Dusun mempercayai mitos asal usul nenek moyang mereka adalah berasal dari tempat yang dikenali sebagai Nunuk Ragang. Kemudian, rumpun Kadazan Dusun berpecah dan membentuk pelbagai etnik yang wujud pada masa ini (Luping, 1985; Arena Wati, 1978; Hamiddun, 1991 & Low, 2006). Namun menjelang tahun 2016, etnik Rungus bukan lagi menjadi sebahagian daripada subetnik Kadazandusun kerana telah diberi pengiktirafan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) sebagai suatu etnik penuh. Berdasarkan edaran senarai etnik negeri Sabah, hasil kajian etnik 2008 oleh LKNS iaitu sebanyak 35 jumlah etnik penuh, manakala 217 merupakan jumlah subetnik di Sabah, menjadikan jumlah etnik di Sabah termasuk etnik penuh dan subetnik mencencah 252 secara keseluruhannya (Esterlina Lazarus & Mohd. Kifli Abdul Rahman, 2021).

Pelbagai amalan dan kepercayaan tradisi yang dimiliki oleh etnik Rungus sebelum kedatangan mubaligh Kristian sekitar tahun 1950-an, iaitu berpegang kepada kepercayaan animisme atau dikenali sebagai kepercayaan *labus* dalam kalangan etnik Rungus. Etnik Rungus juga menyambut pelbagai jenis upacara dan perayaan tersendiri. *Magahau* merupakan perayaan tradisi etnik Rungus yang terkenal dan disambut secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, perayaan *magahau* ini tidak boleh disambut sesuka hati kerana terikat dengan aturan tradisi yang melarang mengadakan perayaan *magahau* sekiranya tiada upacara ritual dilakukan terlebih dahulu. Pada zaman dahulu, ritual yang sering mengiringi perayaan *magahau* dikaitkan dengan upacara *mamapak* dan hanya dikendalikan oleh Bobolizan Rungus.

## SOROTAN LITERATUR

Kepercayaan tradisional dalam etnik Rungus merupakan satu bentuk kawalan sosial dan budaya yang menjadi asas terpenting dalam pembentukan sistem adat dan pantang larang mereka. Menurut Appell (1986), kepercayaan ini memastikan etnik Rungus dapat berhubung dengan alam sekitar dan di antara sesama anggota masyarakatnya. Kepercayaan ini juga dapat memelihara tingkah laku dan moral pada tahap yang paling tinggi. Tambahnya lagi, kepercayaan tradisional etnik Rungus adalah satu budaya yang luar biasa kerana kepercayaan tersebut secara tidak langsung membawa ketenangan dan keharmonian hidup mereka bersama alam sekeliling. Pergantungan hidup etnik Rungus dengan alam persekitaran nyata banyak meninggalkan kesan dalam budaya dan amalan kehidupan mereka dan kepercayaan tradisional ini disebut sebagai *labus* iaitu kepercayaan animisme.

Perayaan *magahau* akan diadakan setelah melakukan upacara ritual *mamapak* bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Upacara *mamapak* dikategorikan kepada dua tujuan pelaksanaannya. Pertama adalah upacara *mamapak* dengan *papak taraat* yang dikhaskan untuk kematian, iaitu ritual *lumuvas* atau *mongukas*. Kedua, upacara *mamapak* dengan *papak tavasi* yang berkaitan dengan kesejahteraan dan rezeki sesebuah keluarga (Esterlina Lazarus & Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2021). Etnik Rungus menerusi perantara mereka iaitu Bobolizan akan memohon kepada Kinoringan (Tuhan) mereka bagi menyampaikan hajat dan permintaan keluarga yang mengadakan ritual tersebut. Berdasarkan kepercayaan etnik Rungus terhadap makhluk halus jahat (*rogon*) dan makhluk halus baik (*osundu*), telah mencetuskan krisis atau konflik dalam masyarakat tersebut yang hanya boleh diselesaikan melalui upacara ritual.

Joisin Romut, Denism J. Sading dan Flora Iban (2013) pula memperincikan pelbagai aspek budaya yang masih diamalkan oleh etnik Rungus di Daerah Kecil Matunggong, Pitas dan kampung-kampung di sekitarnya yang merangkumi sistem kepercayaan dan amalan, adat dan budaya, muzik dan tarian, pakaian dan aksesori. Kepercayaan *labus* merupakan agama asal etnik ini. Pada masa ini, dianggarkan kira-kira 65 peratus daripada etnik Rungus beragama Kristian, 30 peratus beragama Islam dan 5 peratus masih mengamalkan kepercayaan tradisi. Pecahan tersebut jelas memperlihatkan amalan ritual dalam kalangan etnik Rungus semakin terhakis dan tidak menarik minat generasi muda untuk mewarisinya.

Menurut Mohd Kipli Abdul Rahman (2012), ritual terhasil ekoran keinginan manusia mencari hubungan dengan dunia metafizik kerana manusia itu secara fitrahnya mempunyai emosi keagamaan. Metafizik merupakan satu ilmu (sains) yang mengkaji mengenai kejadian yang mementingkan soal kebatinan atau kerohanian. Ilmu ini adalah ilmu rohaniah yang mengkaji perkara-perkarag ghaib di sebalik perkara-perkara yang nyata kerana ilmu metafizik sebenarnya mengkaji roh. Oleh itu, persembahan ritual adalah suatu upacara yang terhasil daripada tindakan atau keinginan untuk mencari hubungan dengan dunia ghaib (metafizik) bagi tujuan tertentu yang lazimnya adalah untuk kebaikan, kesejahteraan dan ketenangan pengamalnya. Tatacara ritual tersebut turut berhubungan dengan aspek kewujudan fizikal dan metafizik. Hubungan manusia dengan alam akan mencetuskan kreativiti dan keupayaan luar biasa untuk menghasilkan karya seni. Tambahnya lagi, makhluk halus dipercayai akan menyempurnakan hajat seperti yang diingini oleh orang yang melakukan upacara mahupun persembahan. Sajian ritual akan dipersembahkan sebagai tanda penyembahan kepada makhluk ghaib.

Kepercayaan tradisi yang dimiliki oleh etnik Rungus telah diwarisi secara turun-temurun sebelum kedatangan pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) yang mula mentadbir Sabah pada akhir kurun ke-19. Kepercayaan *labus* satu-satunya agama yang dianuti oleh etnik Rungus sebelum kedatangan agama Kristian atau Islam. Agama Labus adalah merujuk kepada kepercayaan animisme, iaitu kepercayaan yang berkaitan dengan pemujaan pelbagai semangat atau makhluk halus yang bersifat sakti dan menghuni alam ghaib. Porodong (2012) menjelaskan tentang sistem

kepercayaan tradisi etnik Rungus yang percaya bahawa alam semesta mereka terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam manusia (alam fizikal) dan alam *supernatural* atau alam ghaib. Alam *supernatural* ialah alam yang dikuasai *osundu* (kuasa baik) dan kuasa *rogon* (hantu atau kuasa jahat).

Raymond Majumah (2015) menjelaskan tentang animisme dan hal-hal ghaib dalam kepercayaan tradisi Rungus primitif ini amat rapat hubungannya dengan upacara ritual yang berbentuk penyembahan. Lazimnya, setiap upacara ritual akan diiringi dengan persesembahan dan perseimbahan tersebut diletakkan di tempat-tempat khas yang diyakini berpenunggu atau didiami oleh makhluk halus seperti batu besar, gunung, bukit, pokok-pokok besar dan juga di dalam kediaman mereka. Antara peralatan yang menjadi perseimbahan dalam upacara ritual etnik Rungus ialah binatang ternakan seperti ayam putih dan babi. Hal ini menyebabkan dalam apa juga perbuatan atau pekerjaan, etnik ini akan berhati-hati kerana takut mengganggu kehidupan alam ghaib. Justeru, sekiranya mereka ditimpa sebarang kecelakaan atau gangguan seperti mendapat penyakit atau tanaman tidak menjadi, etnik ini akan melakukan upacara ritual untuk mendamaikan hubungan antara manusia dengan alam ghaib melalui perantara seorang Bobolizan. Namun begitu, bahan-bahan perseimbahan adalah bergantung kepada jenis upacara yang hendak dijalankan.


### **MAGAHAU RUNGUS: DARI UPACARA RITUAL KE PESTA KERAMAIAIN**

Kepercayaan tradisional sebagai mekanisme kawalan sosial yang penting dan menjadi asas kukuh dalam pembentukan amalan dan pelaksanaan berkaitan dengan adat istiadat dan pantang larang dalam kehidupan etnik Rungus. Kawalan sosial merupakan satu cara untuk mempengaruhi komunitinya supaya mematuhi norma-norma sosial dan ia merupakan satu cara yang digunakan untuk mempengaruhi corak tingkah laku anggota sesebuah komuniti dalam mematuhi tradisi, norma dan ikatan sosial yang sekian lama terbentuk. Kawalan sosial ini juga akan menyatukan etnik Rungus dalam pelbagai upacara yang diraihkan. Mereka kembali berkumpul dan membentuk solidariti etnik. Kepercayaan tradisional dan ritual yang dimiliki oleh etnik Rungus telah diwarisi secara turun-temurun dan telah diamalkan dalam kehidupan sehari-hari mereka sebelum kedatangan pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara (SBBU) yang mula mentadbir Sabah pada akhir kurun ke-19. Kebanyakan pengkaji seperti Raymond Majumah (2015), Porodong (2012), Rutter (2007), Miyamoto (2002) dan Appell (1965) merujuk etnik Rungus sebagai pagan atau etnik yang mengamalkan kepercayaan animisme, iaitu memuja pelbagai jenis semangat yang berada di sekitar kehidupan mereka. Kepercayaan *labus* satu-satunya agama yang dianuti oleh etnik Rungus sebagai pemangkin kepada pembentukan kawalan sosial sehari-hari etnik Rungus. Istilah *labus* bererti bebas yang tidak merujuk kepada mereka yang beragama Kristian atau Islam.

### **UPACARA DAN RITUAL MAMAPAK**

Sehubungan dengan itu, etnik Rungus mempercayai bahawa upacara *mamapak* merupakan ritual yang wajib dilakukan sebelum mengadakan perayaan *magahau*. Tujuan *mamapak* dilakukan adalah untuk memanggil atau menyeru semangat-semangat yang berkuasa terhadap kesejahteraan dan juga rezeki sesebuah keluarga menerusi pengantaranya iaitu Bobolizan. Menurut Porodong Magilin (temu bual, 18 Ogos, 2016) ritual *mamapak* terbahagi kepada dua jenis, iaitu pertama adalah *mamapak* dengan *rogon* (hantu atau syaitan) dan kedua *mamapak* dengan Bambarazon (Tuhan atau semangat padi). *Papak taraat* biasanya dibuat jika ada orang meninggal dunia dan terletak di bawah kategori *mamapak* dengan *rogon*. *Papak taraat* berperanan sebagai tempat pertemuan dengan roh si mati. Orang hidup dan roh si mati akan bertemu di *papak taraat* bagi mengelakkan campur tangan daripada Bambarazon. Pada kebiasaannya, hanya setelah upacara *mamapak* dengan *rogon* selesai barulah ritual *mamapak* dengan Bambarazon dijalankan dengan melakukan *papak tavasi*. *Papak tavasi* bertujuan

agar etnik Rungus dapat berjumpa dengan Bambarazon serta mendapat kesejahteraan dan rezeki keluarga. Perayaan *Magahau* diadakan selepas *papak tavasi* dilaksanakan atau selepas upacara *mamapak* jika tidak dilakukan ritual *lumuvas* atau *mongukas*.



**Rajah 1** Pelaksanaan ritual *mamapak*

Pelaksanaan ritual *mamapak* ditunjukkan seperti dalam Rajah 1. Ritual *mamapak* terbahagi kepada dua cara amalan pelaksanaannya dengan melihat tujuan asal ritual tersebut diadakan. Ada ritual yang diadakan bersempena dengan kematian dan ada pula tanpa melibatkan kematian. Perbezaan tujuan ini melibatkan proses upacara yang berlainan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Merujuk rajah di atas, perayaan *magahau* boleh adakan selepas upacara *mamapak* selesai dilaksanakan. Menurut Porodong Magilin (temu bual, 18 Ogos 2016), perayaan *magahau* boleh diadakan dalam dua cara, iaitu dilaksanakan dengan upacara yang melibatkan ritual *papak taraat* atau hanya mengadakan ritual *papak tavasi*. Berdasarkan Rajah 1, upacara *mamapak* yang hanya melibatkan *papak tavasi*, selesai sahaja ritual *papak tavasi* akan berlangsungnya perayaan *magahau*. Sebaliknya, sekiranya ritual *mamapak* yang melibatkan *papak taraat*, maka selepas *papak taraat* selesai dijalankan barulah ritual *papak tavasi* dilaksanakan. Biasanya ritual *mamapak* sebegini akan mengambil masa selama dua hari untuk menyempurnakan ritual tersebut. Setelah selesai ritual *papak taraat* dan *papak tavasi*, baharulah etnik Rungus menyambut perayaan *magahau* sama ada dalam skala sederhana atau secara besar-besaran.

## PERAYAAN MAGAHAU RUNGUS

Sejarah awal kewujudan perayaan *magahau* agak kabur kerana tiada rekod secara bertulis dan maklumat dikumpul menerusi cerita-cerita lisan daripada nenek moyang, orang tua-tua dan Bobolizan (Esterlina Lazarus & Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2021). Menurut Joseph Abbis Mongingkal (temu bual 21 Mac 2018), terdapat tiga jenis acara yang sering disatukan dalam perayaan *magahau* yang diadakan oleh etnik Rungus dahulu, iaitu upacara *papak taraat*, *papak tavasi* dan juga *mamasi palad*.

Umumnya, gabungan beberapa upacara atau aktiviti semasa penganjuran perayaan *magahau* adalah bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan kerana beberapa acara dapat disatukan. Mengikut amalan dan kepercayaan etnik Rungus dahulu, mereka tidak boleh menyambut sebarang perayaan sekiranya tidak disertai dengan upacara keagamaan dan kebiasaannya perayaan *magahau* akan disertai dengan upacara *mamapak*. Etnik Rungus percaya bahawa amalan penyertaan upacara keagamaan dalam perayaan *magahau* penting bagi tujuan keselamatan dan perlindungan mereka daripada gangguan kuasa *rogon*. Sekiranya tiada upacara keagamaan dilakukan terdahulu, *rogon* akan terkejut dengan suasana kemerahan perayaan seperti bunyi-bunyian gong dan hiruk-piruk sekeliling, malah makanan yang banyak menyebabkan *rogon* menjadi marah seolah-olah menafikan kekuasaan mereka. Justeru, upacara *mamapak* merupakan salah satu pengisian yang wajib disertakan dalam perayaan *magahau*. Lazimnya, upacara *mamapak* dilakukan secara umum untuk memohon pertolongan dan perlindungan daripada yang disembah untuk kesejahteraan hidup mereka.

Perayaan *magahau* akan dilangsungkan setelah semua upacara keagamaan selesai dilakukan. Tempoh perayaan *magahau* adalah tidak tetap dan adakalanya disambut dua hari dan adakalanya melebihi tujuh hari bergantung kepada lebihan rezeki yang diperoleh oleh komuniti etnik Rungus. Menurut Sinogiling Rohuyan (temu bual 31, Mei 2017), perayaan *magahau* disambut lebih dari sehari pada zaman dahulu atas faktor perjalanan yang jauh dan setiap kampung adakalanya tidak datang serentak. Orang ramai yang berkunjung dari luar kampung yang datang meraikan *magahau* akan balik ke kampung masing-masing beberapa hari selepas keramaian kerana mereka hanya berjalan kaki (Kinzin binti Mokunsan, temu bual 31, Mei 2017). Hal ini menjelaskan bahawa *magahau* sememangnya disambut di beberapa buah kampung, satu kampung ataupun beberapa buah keluarga yang mengadakan *magahau*.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang perayaan *magahau* berlangsung seperti pertandingan *monurizak* (menyanyi), berjualan, *Mitarab Gimpuhut* (pencarian wanita tercantik) dan khusus untuk lelaki Rungus iaitu acara sukan tradisi yang dipanggil sebagai *mongoniu-koniou* atau aksi helang terbang untuk mencari lelaki Rungus yang paling tangkas dan gagah pada tahun itu. Antara acara sukan tradisi lain ialah *mangalasiu*, *mingranggou* dan *minpurung* yang turut diadakan pada perayaan *magahau*. Pada zaman dahulu, tiada trofi atau hadiah yang ditawarkan tetapi pemenang bagi acara *Mitarab Gimpuhut* dan acara sukan tradisi akan menjadi terkenal dan dengan kelebihan itu memudahkan mereka untuk mencari pasangan.

Perayaan *magahau* merupakan hari kebesaran bagi etnik Rungus di Sabah. Umumnya, perayaan ini akan disambut sebagai tanda kesyukuran dan kegembiran atas kesejahteraan hidup yang mereka kecapa. Malah, ia adalah tanda berterima kasih kepada perlindungan pelbagai semangat ghaib yang terlibat dalam kehidupan mereka seperti menghormati *Bambarazon* (semangat padi). Rasa kesyukuran itu dizahirkan dalam bentuk mengadakan perayaan *magahau* pada tahun tersebut dengan mengorbankan banyak haiwan ternakan melalui upacara ritual yang dijalankan. Justeru, perayaan *magahau* ini membolehkan mereka berkongsi rezeki dengan orang ramai. Perayaan *magahau* ini diadakan pada tahun tersebut dalam situasi seperti mempunyai bekalan makanan yang berlebihan dan ingin berkongsi kegembiraan hidup mereka bersama saudara-mara dari pelbagai kampung. Mereka akan dijemput bertandang ke kampung mereka untuk bersama-sama meraikan kegembiraan tersebut. Perkongsian lebihan rezeki ini dapat dilihat melalui upacara ritual dengan mengorbankan banyak haiwan peliharaan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Tujuan perayaan *Magahau*

Bahasa Rungus	Terjemahan Bahasa Melayu
<i>Mamapak/mamasi palad/mangaraha palad</i>	Upacara berkaitan rezeki
<i>Mintutun</i>	Berkenalan/perkenalkan diri
<i>Monudung</i>	Mencari pasangan/merisik pasangan
<i>Gimpuhut</i>	Gadis tercantik
<i>Bunjal</i>	Aktiviti berjualan/sistem Barter
<i>Gontira</i>	Bersukan/pertandingan sukan
<i>Posikib dot konsapatan sid keluarga om kinoruhangan</i>	Berkongsi rezeki dengan keluarga dan rakan-rakan
<i>Mongodim dot kovorisan</i>	Mencari/menjemput sanak saudara
<i>Humigak</i>	Bergembira/berpesta

## **PERUBAHAN KONSEP PERAYAAN MAGAHAU RUNGUS**

Kepercayaan tradisional etnik Rungus mula menerima impak yang besar setelah pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara mula mentadbir Sabah pada akhir kurun ke-19. Daerah Kudat, majoritinya didiami oleh etnik Rungus dan merupakan antara daerah yang paling awal menerima misi pendakwahan Kristian (Mat Zin, 2003). Misi pendakwahan mazhab Protestanisme yang dikendalikan oleh Misi Basel (*Basel Mission*), sebuah pusat misi beribu pejabat di Basel, Switzerland adalah untuk berdakwah kepada etnik Rungus secara besar-besaran bermula pada sekitar tahun 1950-an (Porodong, 2004). Para mubaligh Kristian yang disokong oleh pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara tersebut telah berjaya menarik ramai etnik Rungus untuk menganut agama Kristian. Hal ini disebabkan oleh pendakwah Kristian telah menggunakan pendekatan serampang dua mata iaitu dengan memperbaik bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan peribumi di Sabah dengan jayanya. Implikasi daripada dakwah tersebut menyebabkan etnik Rungus yang memeluk agama Kristian tidak lagi mengamalkan upacara yang telah diwarisi daripada moyang mereka kerana amalan ini bercanggah dengan ajaran agama serta mendapat tentangan daripada pihak gereja (Porodong, 2004). Perubahan agama dan peranan mubaligh Kristian merupakan salah satu faktor dalaman yang menyebabkan perubahan sistem kepercayaan tradisi dan cara berfikir etnik Rungus terhadap kehidupan mereka. Perubahan ini secara tidak langsung turut memberi implikasi kepada Bobolizan yang semakin berkurangan disebabkan etnik Rungus telah beralih dan meninggalkan kepercayaan dari amalan tradisi mereka kerana telah memeluk agama Kristian atau Islam. Malah, segala perkara yang berkaitan dengan animisme mula ditinggalkan. Perubahan sebegini bukan sahaja berlaku pada komuniti Rungus tetapi seluruh etnik di Sabah menerima pengaruh yang sama dan turut berubah dari semasa ke semasa.

Antara faktor yang menyumbang kepada perubahan peranan perayaan *magahau* dalam konteks kehidupan semasa etnik Rungus disebabkan oleh perubahan agama dan kemasukan mubaligh Kristian. Perubahan agama dan peranan mubaligh Kristian merupakan salah satu faktor dalaman yang menyebabkan perubahan sistem kepercayaan tradisi dan cara berfikir etnik Rungus terhadap kehidupan mereka. Peranan mubaligh Kristian terhadap komuniti etnik Rungus telah membawa perubahan besar dalam sistem kepercayaan dan amalan tradisi mereka. Perlahan-lahan kepercayaan

tradisi mula ditinggalkan, yang dianggap bertentangan dengan agama baharu mereka. Menurut Porodong Magilin (temu bual, 18 Ogos 2016), kebanyakan etnik Rungus di Kudat beragama Kristian dan Islam. Di bahagian Matunggong, terdapat kira-kira 70 peratus etnik Rungus beragama Kristian, 25 peratus beragama Islam dan 5 peratus masih mengekalkan kepercayaan Labus. Pada 1970, etnik Rungus menganggap Islam hanya untuk etnik Bajau sahaja. Namun menjelang pertengahan tahun 1990, lebih ramai etnik Rungus yang memeluk Islam di Sabah. Malah, pada masa ini lebih ramai keluarga Rungus yang mempunyai seorang dua anak yang beragama Islam kerana perkahwinan campur.

Di samping itu, peranan mubaligh Kristian dari Jerman menerapkan pendidikan Barat dalam komuniti etnik Rungus telah mengubah amalan kehidupan tradisi mereka kepada kehidupan moden. Pendekatan dakwah Kristianisasi oleh mubaligh Kristian iaitu dengan pembinaan sekolah dan juga menyediakan klinik kesihatan di kampung-kampung etnik Rungus. Pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak mubaligh Kristian memberi kesan kepada etnik Rungus, bukan sahaja dari aspek perubahan agama tetapi juga mengubah cara mereka berfikir dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Setelah melalui perubahan dan pemodenan dalam komuniti Rungus, penganjuran perayaan *magahau* akhirnya telah membentuk konsep baharu yang bertujuan untuk mengangkat dan memulihara budaya tradisi etnik Rungus menerusi penganjuran perayaan *magahau* sejak tahun 2009 sehingga hari ini. Pengisian program semasa perayaan *magahau* masih dikekalkan kecuali mengeluarkan pengisian yang berkaitan dengan upacara ritual kerana tidak sesuai dengan konteks kehidupan etnik Rungus semasa.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sistem kepercayaan dan amalan tradisi etnik Rungus telah mencipta satu konsep pemujaan dan keterikatan hidup komuniti Rungus terhadap kuasa-kuasa ghaib yang diyakini bertindak balas dengan perilaku dan kejadian persekitaran hidup mereka. Justeru, konsep pemujaan sebelum mengadakan keramaian *magahau* menjadi amalan wajib dalam komuniti Rungus. Perayaan *magahau* hanya diadakan setelah upacara ritual selesai dijalankan sebagai langkah mengelakkan kesusahan atau kesengsaraan pada hari kemudian memandangkan stigma komuniti Rungus terhadap kekuasaan alam ghaib. Namun, kedatangan pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara pada kurun ke-19 telah mengubah amalan dan kepercayaan tradisi etnik Rungus. Secara tidak langsung, ia telah memberi implikasi kepada proses kelunturan identiti etnik Rungus. Semenjak komuniti Rungus menganuti agama Kristian atau Islam, mereka telah meninggalkan acara-acara keagamaan yang bersifat ritual kerana bertentangan dengan ajaran agama mereka. Keadaan ini menimbulkan kekhawatiran khususnya dalam kalangan golongan elit Rungus untuk menghidupkan tradisi yang menjadi tonggak identiti mereka dengan melakukan penjenamaan semula *magahau* kepada perayaan pesta *magahau* bagi melestarikan budaya tradisi untuk rujukan generasi akan datang.

## RUJUKAN

- Appell, G. N., & Appell, L. W. R. (2017). Rungus Dusun. In *Encyclopedia of Sex and Gender*.
- Appell, G.N. (1992). Errors in Borneo Ethnography. *Borneo Research Bulletin*, 24, 79-152.
- \_\_\_\_\_. (1991). Errors in Borneo Ethnography, part I. *Borneo Research Bulletin*, 23, 85-99.
- \_\_\_\_\_. (1966). Residence and ties of kinship in a cognatic society: The Rungus Dusun of Sabah, Malaysia. *Southwestern Journal of Anthropology*, 22(3), 280–30.
- \_\_\_\_\_. (1965). *The nature of social groupings among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia*. Thesis Ph.D (Unpublished dissertation.). The Australian National University, Canberra, Australia.
- \_\_\_\_\_. (1963). Myths and legends about the Rungus of the Kudat District. *The Sabah Society Journal* 4, 9–15.
- Arena Wati. (1978). *Pribumi Sabah: Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.
- Benedict Topin. (2021). *Kaamatan our sacred festival*. Kota Kinabalu: Koisaan Publication.
- Clinson Mojijang & Maureen De Silva. (2020). Peranan Prostetant Church di Sabah (PCS) dalam perkembangan sosial masyarakat Rungus 1952-1993 di Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhaialogia*, 5 (1), 89-104.
- Esterlina Moo Chin Len Lazarus & Mohd Kipli Abdul Rahman. (2021). Magahau dan hubungan dengan kepercayaan tradisi etnik Rungus di Sabah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3 (1), 41-48.
- Hussin, H. (2003). Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang, Sabah. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 8, 15-40.
- Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban. (2013). *Inventori budaya etnik negeri Sabah: Etnik Momogun Rungus (Ed)*. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Lasimbang, Rita. (2002). Exploring the art of Bobohizan-Keeper of Kadazan rituals and chants. Kertas Seminar di Borneo Research Council: 7th Biennial International Conference (15-18 Julai 2002), Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, hlm. 2-3.
- Low, K. O. (2006). Reading symbols and mythical landscape in the "Tambunan Dusun Origin Myth" of North Borneo. *International Journal of Asia Pacific Studies*, 2 (2), 29–50.
- Malinowski, B. (1954). *Magic, science, and religion*. New York: Doubleday Anchor Books.
- Miyamoto, M. (2002). Legal culture in Sabah: A case study of the Rungus in Pitas and the Lotud in Tuaran. In *Sabah Museum Monograph. Cultural Adaptation in Borneo*. Sabah, Malaysia: Department of Sabah Museum, 7, 31–58.
- Mohd Kipli Abdul Rahman (2009). *Mabuk mistikal: Semiotik metafizik dalam kuda kepang mabuk*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- \_\_\_\_\_. (2012). Sinkritisme dalam Wayang Wong Johor. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- \_\_\_\_\_. (2016). *Persembahan Saba: Suatu ritual penyembuhan dari perspektif kosmologi*. *Geografi: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 22-33.
- Porodong, P. (2001). Bobolizan, forests and gender relations in Sabah, Malaysia. *Gender, Technology and Development*, 5(1), 63-90.
- Porodong, P. (2012). Rungus. Dlm. Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Ed), *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. 109-128. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Raymond Majumah. (2015). *Rungus peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2003). *Momogun Rungus Borneo Utara: Warisan sastera dan budaya Sabah*. Sabah, Malaysia: SLC Sdn. Bhd.
- Rutter, O. (2007). *The pagans of North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

- Shimomoto, Y. (1979). Myths and ritual for rice spirits Bambarazon among the Rungus. *Asian Folklore Studies*, 73-93.
- Suraya Sintang, Budi Anto, Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman., Siti Aidah Lokin., & Halina Sendera, Mohd. Yasin. (2019). Kesepaduan sosial dalam hubungan antara agama di pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*, 2, 5-15.
- Tengku Lucman Sinar. (1978). *Sumatera timur zaman purbakala*. Medan: Wira.
- Topin, B. (1981). Some aspects of the Kadazan Dusun culture. *Kadazan Cultural Association 2nd Delegates Conference*, 5–6.
- Topin, B. (1996). *Sharing on Kadazan Dusun culture*. Penampang: Sabah State Library, Penampang Branch.

## INFORMAN

Porodong Magilin. Temu bual pada 18 Ogos 2016.  
Joseph Abbis Mongingkal. Temu bual pada 30 Julai 2017 dan 21 Mac 2018.  
Thomas Arinjamal Mosjingal. Temu bual pada 30 Julai 2017 dan 21 Mac 2018.  
Ranjalmal Montuduk. Temu bual pada 30 Julai 2017 dan 20 Mac 2018.  
Sinogiling binti Rohuyan. Temu bual pada 31 Mei 2017.  
Kinzin binti Mokunsan, Temu bual pada 31 Mei 2017.